

# Selangor batal pajakan tanah Ladang Tennamaram

**Shah Alam:** Kerajaan Selangor membatalkan pajakan tanah Tanjung Pasir Ladang Tennamaram Bestari Jaya, Kuala Selangor seluas 39 hektar yang diberikan kepada dua syarikat sebelum ini.

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari, berkata keputusan itu dibuat selepas hal berkenaan dibawa ke Majlis Tindakan Ekonomi Negeri Selangor (MTES) serta dibincangkan pada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) 17 November lalu.

Katanya, sebelum ini tanah berkenaan dipajakkan kepada Syarikat Baisan Suria Sdn Bhd dan Syarikat Trilion Project Sdn Bhd yang akan diberi gantian pajakan di kawasan lain bagi tujuan pertanian dan penternakan.

"Tanah berkenaan akan dipajakkan kepada pihak Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Selangor (PKPS) selama 21 tahun dan perbadanan itu perlu membuat pemutihan terhadap hampir 400 peneroka yang memohon.

"Hasil daripada perundingan antara pihak PKPS dan semua kumpulan peneroka yang berminal juga sudah mencapai kata

sepakat dan mereka bersetuju untuk mendaftar sebagai pemasak melalui PKPS," katanya pada sidang media di Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, di sini, semalam.

Amirudin berkata, isu berkaitan pertikaian pajakan tanah Tanjung Pasir Ladang Tennamaram dibangkitkan awal April lalu apabila kumpulan peneroka ladang berkenaan meminta campur tangan kerajaan negeri berhubung pertindihan permohonan tanah yang sudah mereka usahakan dengan dua syarikat yang telah diberi pajakan.

Katanya, sebuah jawatankuasa siasatan dalaman yang terdiri daripada lima orang anggota jawatankuasa, termasuk Unit Integriti dan Bahagian Audit Dalaman Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor ditubuhkan pada 3 Mei lalu.

"Berdasarkan syor yang dikemukakan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri pada 19 Ogos lalu, saya mengarahkan setiausaha politik, Juwairiya Zulkifli untuk mengadakan perbincangan dan perundingan antara pihak sya-



Amirudin (tiga dari kanan) bersama wakil peneroka Ladang Tennamaram selepas sidang Shah Alam, semalam.  
(Foto Faiz Anuar/BH)

rikat, pihak peneroka dengan kehadiran Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor, Pejabat Daerah dan Tanah Kuala Selangor dan PKPS.

"Perkara itu seterusnya dibawa ke MTES dan MMKN sebelum ke-

putusan pembatalan pajakan dibuat. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terbabit dan memberikan kerjasama dalam usaha kita mencari jalan tengah untuk menyelesaikan pertikaian ini," katanya.

Dalam pada itu, wakil peneroka V Jaya Kumar berkata, pihaknya berterima kasih kepada kerajaan negeri serta PKPS yang komited membantu menyelesaikan masalah yang berlarutan sejak sekian lama.